

Edisi JAN

BULETIN AS SOFA

JANUARI 2023 / Jamadilakhir 1444 Hijrah



CAHAYA MULA BERGEMERLAPAN DI MATTAS



LAWATAN MUHIBAH AS SOFA
YAYASAN TABUNG HAJI DAN AMAN PALESTIN

**HARI BERSAMA PELANGGAN
POS MALAYSIA**

EDISI JANUARI

@yayasansofa

AKTIVITI AS SOFA

LAWATAN MUHIBAH AS SOFA YAYASAN TABUNG HAJI DAN AMAN PALESTIN




HARI BERSAMA PELANGGAN POS MALAYSIA

Jalinan kerjasama antara Yayasan Sofa dan POS Malaysia Berhad sejak empat tahun lalu bukan saja tertumpu kepada Produk Waqaf As Sofa semata-mata. Tetapi, jalinan ini turut diserikan dengan penyertaan pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan kedua-dua pihak.

Disember lalu, Unit Pos di Jabatan Komunikasi Korporat Yayasan Sofa menyertai program Hari Bersama Pelanggan di Pos Malaysia Bandar Seri Putra, Kajang.

Pada hari tersebut, kaunter Produk Waqaf As Sofa dibuka di mana pelanggan boleh membuat wakaf secara terus bersama wakil As Sofa.

Turut diberikan kepada pewakaf adalah cenderamata kepada pelanggan yang membuat transaksi sepanjang hari tersebut. Kepada pelanggan Pos Malaysia yang ingin berwakaf, boleh hadir dan menunaikan wakaf serendah RM10 menerusi Produk Waqaf AS Sofa di semua cawangan Pos Malaysia negara ini.




Terus melebarkan sayapnya, itulah yang sedang dilakukan Yayasan Sofa dalam usaha menyeratrafkan pendidikan al-Quran dan Turath seiring dengan pendidikan sedia ada di negara ini.

Usaha ini dimulakan dengan jalinan muhibah bersama Yayasan Tabung Haji dan Aman Palestin yang diadakan Disember lalu, menjadikan pemerkasaan pendidikan tahliz sebagai tunjang utama perbincangan. Antaranya perkara berhubung bagaimana untuk memperkenalkan dengan lebih meluas mengenai institusi pendidikan tahliz berteraskan Ahli Sunnah wal Jama'ah.

Diharap melalui jalinan kerjasama strategik ini, membolehkan Yayasan Sofa menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti tinggi pada masa depan.

BEDAH KITAB



| | |
|------------|--|
| Tajuk | : KELEBIHAN DAN KEMULIAAN RASULULLAH ﷺ |
| Penulis | : Syeikh al Islam Sultan al Ulama' al Imam Izzuddin ibn Abdis Salam al Syafi'i |
| Terjemahan | : Institut Imam Ahmad Ibn Idris |
| Harga | : RM30 |

Sinopsis :

Buku ini membahaskan ayat al Quran dan Hadis berhubung kelebihan dan keistimewaan Nabi Muhammad ﷺ yang memiliki kebesaran dan keagungan yang tiada had. Ia turut mendapat perhatian ahli Ilmu yang mana ia telah disemak (tahqiq) dan diulas (ta'liq) oleh salah seorang Ulama' Besar Ahli Sunnah wal Jama'ah al 'Allamah al Muhadith Sayyid Abdullah ibn al Siddiq al Ghumari. Bersama dengan terjemahan kitab ini juga disertakan ulasan dan kupasan tambahan di bahagian nota kaki bagi memudahkan kefahaman, menambahkan faedah dan menghuraikan serba sedikit berkenaan kelebihan Baginda ﷺ tersebut.

Sekiranya berminat, boleh dapatkan melalui pembelian terus di
kedai buku Sofa Production Sdn Bhd

B-2-1, Jalan Dataran Sentral 2, 70200 Seremban, Negeri Sembilan

hubungi
Encik Affan 019-695 4456
untuk tempahan.

CORETAN AS SOFA



TUAN AMRAN BIN ISMAIL

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sofa,

Selamat
TAHUN BARU 2023


Alhamdulillah, sedar atau tidak kita sudah pun melangkah ke tahun baharu, 2023. Terlalu banyak kenangan yang kita pahatkan sepanjang tahun lalu. Insya-Allah, sepanjang tahun 2022 yang telah kita lalui ini akan membawa kebaikan berpanjangan.

Tahun 2023 ini kita jadikan landasan dengan menyemat azam baharu untuk menjadi lebih baik. Bukan saja untuk diri sendiri tetapi setiap kebaikan yang dibawa turut memberi manfaat kepada umat Islam yang lain.

Kita kotakan janji dalam memperkasakan pendidikan Tahfiz negara ini melalui kempen-kempen yang dilancarkan sepanjang tahun 2023. Lebih-lebih lagi permulaan tahun ini turut dihadiri dengan bulan-bulan istimewa dalam Islam, iaitu Rejab, Sya'ban dan Ramadan.

Tiga bulan Islam ini dianggap terlalu istimewa kerana bulan-bulan ini menjadi medan pertempuran untuk kita memperbanyak lagi amalan sunat khususnya, puasa sunat, solat sunat, tilawah al-Quran, zikrullah dan sedekah.

Jom, kita bina momentum tahun ini seiring dengan visi dan misi As Sofa.



AKTIVITI AS SOFA

MAJLIS ZIKIR & ILMU DI **BANGUNAN MATTAS**

Tersergam indah bangunan yang dinanti-nantikan iaitu Maahad Tahfiz dan Turath As Sofa (MATTAS), Rembau yang bakal menjadi tempat berkumpulnya ahli al-Quran, generasi pewaris Rasulullah ﷺ. Walaupun belum siap sepenuhnya, bangunan ini sudah pun dirasmikan warga As Sofa baru-baru ini.

Bermula dengan aktiviti gotong-royong, warga kerja As Sofa membersihkan kawasan MATTAS untuk memberikan keselesaan kepada jemaah yang hadir pada malam itu. Kira-kira 400 jemaah hadir mengimarahkan majlis ilmu, dimulai dengan solat berjemaah, bacaan kahfi dan tausiah yang disampaikan oleh Penaung As Sofa, **DATO' SYEIKH MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN**.

Bangunan yang bakal dibuka awal Februari depan itu akan menempatkan pelajar tahfiz As Sofa di mana kini sudah pun berada dalam fasa-fasa terakhir termasuk kemasan dan menyediakan kelengkapan asas bangunan.

**Semoga bangunan ini menjadi asbab
mengalirnya pahala berterusan
kepada semua penyumbang yang
sentiasa menyokong usaha As Sofa
sepanjang 25 tahun ini.**

“

INFO PEMBANGUNAN AS SOFA



KOS KESELURUHAN
RM 1,620,000.00
BAKI DIPERLUKAN
RM 21,437.00

MAAHAD TAHFIZ DAN TURATH AS SOFA, REMBAU (FASA 1)

Madrasah terletak di Rembau, Negeri Sembilan ini merupakan sebuah institusi pengajian Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menggabungkan dua elemen penting pendidikan Islam iaitu al Quran dan turath.



KOS KESELURUHAN
RM4,105,000.00
BAKI DIPERLUKAN
RM 2,631,975.00

PEMBELIAN TANAH KOMPLEKS ISLAM AS SOFA MANTAU, NEGERI SEMBILAN

Tanah berkeluasan 6.7 ekar ini akan dibangunkan satu lagi mercu tanda As Sofa iaitu Kompleks Islam As Sofa Mantau, Seremban. Ia bakal menempatkan Kolej Islam As Sofa, Pusat Penyelidikan dan kajian dakwah yang akan menempatkan kira-kira 3,000 penghafaz al Quran menjelang 2025.



KOS KESELURUHAN
RM 4,700,000.00
BAKI DIPERLUKAN
RM 307,984.00

INFRAKUAT PEMBESARAN SURAU HASANIAH, SEKOLAH TINGGI ISLAM AS SOFA REMBAU

Surau sedia ada tidak lagi mampu menampung jumlah pelajar dan jemaah khususnya ketika pengajian majlis ilmu, solat jumaat dan sambutan hari kebesaran Islam.



KOS KESELURUHAN
RM 500,000.00
BAKI DIPERLUKAN
RM 249,545.00

TABUNG BENCANA ASRAMA TERBAKAR MAAHAD TAHFIZ AS SOFA SEREMBAN

Bertujuan membaik pulih kerosakan asrama terbakar yang membabitkan 2 blok bagi menempatkan kembali seramai 147 pelajar yang terkesan dan meneruskan pengajian mereka.

Hotline **06-2230133**

Akaun CIMB **8601889081** YAYASAN SOFA NEGERI SEMBILAN



LENSA AS SOFA



PROGRAM TAFAAQQUH FIL AL DIN AS SOFA

Program Tafaqquh Fil Al Din As Sofa kali ke-25 yang diadakan sempena cuti sekolah ini bertujuan untuk mengisi masa lapang anak-anak sepanjang cuti sekolah lalu dengan aktiviti seperti, Smart Solat, Tahsin al-Fatihah, Seronoknya Bahasa Arab, Motivasi Anak Soleh, Cinta al-Quran dan Rasulullah ﷺ, Qasidah, Sukan Indoor & Outdoor dan Explorace.



HARI SUKAN SEKOLAH AS SOFA

Hari Sukan Sekolah As Sofa diadakan dengan penuh meriah di Kompleks Belia dan Sukan, Paroi. Pelbagai acara diadakan sepanjang hari di mana turut dimuatkan dalam tentatif adalah solat berjemaah.



TAHFIZ RENDAH AS SOFA SEREMBAN

Tahfiz Rendah As Sofa Seremban mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Graduasi Tahun Enam di sini, baru-baru ini. Majlis itu bagi meraikan pelajar cemerlang dan juga pelajar tahun enam yang sudah pun menamatkan pengajian mereka.



KARNIVAL BAHASA INGGERIS



Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Daerah Rembau 2022 membawa pulangan bermakna kepada pelajar Sekolah Tinggi As Sofa Rembau apabila membuktikan bahawa pelajar tahfiz juga berkebolehan mengaplikasikan bahasa tersebut dalam pelbagai situasi dan tugas.